KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	20.08.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	SEDA			



PEMBANTU Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Norhafizahtulhuda Hamzah menunjukan Jurnal Syariah Al-Qanun Vol 1 2022 yang dilancarkan Sultan Nazrin. - Gambar NSTP/LMANIMARAN

peranan besar serta menjadi simbol dalam memastikan kredibiliti dan kewibawaan

man agar pengetahuan dan kecekapan mereka mentafsir undang-undang dan Hu-

Nazrin ko-

Jurnal Syaria-

yang terkilan dengan keputusan diumumkan, bagi menilai kembali sama ada ingin meneruskan niat untuk meneruskan atau sebaliknya.

"Sekiranya asas dan sandaran penghakiman itu le-

HM300822_20

Manfaat industri TBB

Negara miliki kelebihan untuk menarik pelaburan hijau bernilai tinggi

Bernama

Kuala Lumpur

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, trend semasa dunia yang dilihat begitu agresif dalam mengurangkan jejak karbon memberi impak perkembangan cukup positif buat negara.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana peningkatan dalam pelaburan serta permintaan bekalan elektrik mesra alam atau elektrik hijau membuka peluang ekonomi dan perniagaan baharu kepada pemain industri Tenaga Boleh Baharu (TBB) tempatan.

"Mengambil kira Malaysia memiliki rantaian nilai industri TBB kukuh daripada peringkat pembuatan sehingga ke pembekalan perkhidmatan, negara dalam hal ini perlu memanfaatkan kelebihan dimiliki untuk menarik pelaburan hijau dan bernilai tinggi," katanya pada majlis perasmian Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Kelima 2022, di sini, semalam.



ISMAIL Sabri melawat ruang pameran pada Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Kelima 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

Turut hadir, Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Pengarah Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui (IRENA) Francesco La Camera.

Perdana Menteri berkata, hasrat ini perlu didukung melalui penetapan dasar perancangan penjanaan dan pembekalan elektrik lebih kompetitif, bercita-cita tinggi dan dicorak berasaskan perkembangan dan permintaan semasa.

"Ini termasuk penyediaan mekanisme dan sistem pembekalan anjal dan responsif melalui teknologi moden dan pintar bagi mengendalikan kemasukan tenaga boleh baharu yang lebih tinggi dan mengurus-kan permintaan tenaga secara efisien.

"Perkara ini penting dalam menjadikan Malaysia lebih mampu menarik kemasukan pelaburan langsung asing kerana kelebihannya menyediakan capaian kepada bekalan elektrik hijau berkualiti," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli diminta menerajui perubahan dasar ini dengan menambah baik kerangka dasar dan regulatori pembekalan elektrik sedia ada agar selaras keperluan dan permintaan semasa.

Beliau yakin Malaysia yang diberkati pelbagai sumber TBB boleh diterokai, sekiranya diwujudkan satu dasar peralihan tenaga berdaya maju, negara mampu menarik pelaburan syarikat korporat yang memerlukan bekalan elektrik hijau.

"Oleh itu, saya menyambut baik laporan awal kajian *Malaysia Energy Transition Outlook* (METO) tentang senario peralihan tenaga yang boleh kita laksanakan.

"Saya harap laporan akhir METO yang dimuktamadkan nanti menjadi panduan penetapan hala tuju peralihan tenaga negara sehingga 2050 dan menyumbang secara lebih signifikan terhadap aspirasi negara neutral karbon 2050," katanya.